

24/02/2001

Rakyat Sarawak masih perlu BN terus pembangunan

KUCHING, Jumaat - Rakyat Sarawak masih memerlukan Barisan Nasional (BN) bagi meneruskan pembangunan yang belum selesai berikutan keadaan geografi negeri ini yang luas.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata BN Sarawak sudah menunaikan tanggungjawabnya dengan baik dan perlu meneruskan tugas itu kerana potensi pembangunan negeri ini amat besar.

Oleh itu, menurut beliau, tidak wajar pengundi Sarawak cuba menukar selera semata-mata ada segolongan kecil yang kecewa dengan pentabdiran sekarang.

"Kerajaan BN Sarawak adalah kerajaan bertanggungjawab, yang banyak berusaha untuk melaksanakan pembangunan bagi meningkatkan kemakmuran rakyatnya.

"Oleh itu saya fikir wajar dalam pilihan raya Sarawak kali ini, rakyat bersikap rasional dan memikirkan masa depan daripada nak melayan perasaan yang tak sedap," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas dialog antara Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin parti komponen BN negeri di sini hari ini.

Mohamed diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru politik Sarawak, terutama hasrat bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha mencabar Abdul Taib dalam pilihan raya negeri kali ini.

Abang Abu Bakar, yang juga bekas Timbalan Presiden PBB, sebelum ini dilaporkan akan menentang Taib bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Asa Jaya.

Mohamed menyifatkan perkembangan terbaru dalam politik Sarawak itu adalah kesn daripada golongan yang kecewa.

"Saya hanya memandang soal ini sebagai rekasi seorang yang kecewa. Orang kecewa tidak boleh capai apa-apa. Apa yang saya nampak ada golongan agak kecewa yang cuba memperalatkan seseorang bagi mencapai cita-cita mereka," katanya.

(END)